

REKOD SEBAGAI SUMBER KEDAULATAN NEGARA

Nurul Azizi bin Sapihee @ Shafie
Arkib Negara Malaysia

Nurul Azizi bin Sapihee @ Shafie
Ketua Seksyen Penyelidikan Khas
Negara
Arkib Negara Malaysia
azizi@arkib.gov.my

KANDUNGAN

01

Pengenalan

02

*Rekod Sebagai
Bukti*

03

*Kajian dan
Penyelidikan*

04

*Contoh Bahan
Dirujuk*

05

Pengalaman

06

Isu & Cabaran



01 Pengenalan


PENGLIBATAN

- Penglibatan Arkib Negara Malaysia (ANM) dalam penyelidikan dan kajian khas berkaitan persempadanan Negara bermula sejak 1979.
- Mesyuarat Bil 2/1982, Jawatankuasa Khas Mengenai Sempadan Laut bertarikh 5 Julai 1982 memutuskan ANM terlibat secara langsung dalam kes kedaulatan Pulau Batu Puteh (Malaysia vs Singapura). Pada masa sama ANM turut terlibat dalam kes tuntutan bertindih Pulau Sipadan dan Ligitan (Malaysia vs Indonesia).
- Cawangan Penyelidikan Khas diwujudkan secara rasmi berdasarkan Waran Perjawatan Bil S47 Tahun 2003 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2003. Pewujudan bertujuan untuk memantapkan kerja-kerja penyelidikan dan kajian berkaitan isu persempadanan, hak dan kedaulatan negara serta isu semasa.



TUJUAN

- Membantu pihak kerajaan menghadapi isu-isu negara
 - Kes tuntutan bertindih mengenai persempadanan di dalam dan luar negara
 - Pertikaian hak kedaulatan negara
 - Isu semasa / pengesahan fakta sejarah negara
- Pusat rujukan kepada kerajaan untuk mendapatkan dokumen dan bukti yang sahih.
- Melengkap dan memperkukuh bahan bukti untuk membantu kerajaan dalam menyelesaikan isu / kes berkaitan persempadanan, hak kedaulatan dan pengesahan fakta sejarah negara.



*Rekod Sebagai
Bukti 02*



APA ITU REKOD?

"rekod" ertinya bahan dalam bentuk bertulis atau bentuk lain yang menyatakan fakta atau peristiwa atau selainnya merakamkan maklumat dan termasuklah kertas, dokumen, daftar, bahan bercetak, buku, peta, pelan, lukisan, gambar foto, mikrofilem, filem sinematograf, rakaman bunyi, rekod yang dihasilkan secara elektronik tanpa mengira bentuk atau ciri-ciri fizikal dan apa-apa salinannya.

Akta Arkib Negara 2003

CIRI-CIRI REKOD

- *Sesua tu rekod itu akan menjadi bahan bukti yang sah, apabila ia mempunyai elemen rekod dan ciri-ciri rekod yang memenuhi syarat undang-undang yang telah ditetapkan.*
- *Setiap rekod yang diwujudkan mesti mengandungi elemen:*

KANDUNGAN

- *Meliputi teks, data, simbol, bunyi, yang membentuk rekod.*
- *Fakta yang hendak dikemukakan perlu berasa dan dinyatakan dengan jelas.*

KONTEKS

- *Maklumat kontekstual mengaitkan rekod dengan persekitaran pentadbiran dan fungsi (aktiviti dan proses) yang mewujudkan rekod tersebut dan juga dengan rekod yang lain – contoh: dokumen yang dilampirkan, maklumat lampiran, nombor dan kod rujukan (metadata).*

STRUKTUR

- *Berka it dengan bagaimana rekod dicatatkan, termasuk penggunaan simbol, susun atur, format dan lain-lain.*
- *Contohnya seperti terdapat hubungan antara alamat, tarikh, perenggan dan tanda tangan.*

CIRI-CIRI REKOD

- *Hubung kait antara setiap satu elemen rekod akan menjadikan rekod tersebut mempunyai ciri-ciri seperti berikut:*

*KESAHIHAN
(AUTHENTIC)*

*KEANDALAN
(RELIABLE)*

*KEUTUHAN
(INTEGRITY)*

*KEBOLEHGUNAAN
(USEABLE)*

“Pejabat Awam perlu mewujudkan dan menyelenggarakan rekod-rekod yang mempunyai ciri-ciri kesahihan (*authenticity*), keandalan (*reliability*), keutuhan (*integrity*) dan kebolehgunaan (*useability*).”

REKOD YANG MENJADI KEUTAMAAN ICJ

- Treaty based tittle (perjanjian) – historical evidence
 - Interpretasi kandungan terma perjanjian
 - Tujuan dan niat perjanjian
 - Perbincangan dan pertelagahan yang membawa kepada perjanjian
 - Peta (lampiran) adalah sebahagian daripada perjanjian
 - Susulan persetujuan selepas perjanjian
 - Tindakan-tindakan yang dilaksanakan selepas perjanjian

(memerlukan dokumen bukti yang kuat dan lengkap bagi membuktikan kawasan yang dipertikaikan adalah diwarisi/ berpindah milik secara sah daripada mana-mana pihak)

- Effectivités – tindakan pentadbiran yang menunjukkan penguatkuasaan yang berkesan ke atas pulau/wilayah tersebut

(Pendudukan atau pentadbiran ke atas sesuatu wilayah sahaja tidak mencukupi untuk membuktikan keberkesanan (effectivités). Pihak yang menduduki secara fizikal mestilah mempunyai (i) keupayaan untuk bertindak sebagai penguasa semasa tempoh tersebut (ii) ia mesti menunjukkan niat dan kemahuan untuk bertindak sebagai berdaulat berhubung dengan keberkesannya itu)

MAP OF DUTCH EAST INDIES
BY G. F. VON DERFELDEN VAN HINDERSTEIN,
BY ORDER OF THE KING, 1842





03 Kajian dan Penyelidikan



PENGESANAN BAHAN


- Bagi membantu kerajaan menghadapi isu persempadanan dan kedaulatan negara Seksyen Penyelidikan Khas Negara (SPKN), Arkib Negara Malaysia (ANM) sentiasa menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan yang berkepentingan untuk mengesan bahan arkib yang diperlukan sebagai bukti kepada kes pertikaian persempadanan dan hak kedaulatan negara.
- Sekiranya bahan yang diperlukan tidak terdapat dalam simpanan ANM, SPKN akan menjalankan pengesanan bahan di institusi lain di dalam dan luar negara serta membuat perolehan salinan bahan sekiranya bahan tersebut ditemui.

INSTITUSI YANG DILAWATI

Dalam Negara	Luar Negara
Arkib Negeri Sabah	United Kingdom: a) National Archives of United Kingdom b) School of Oriental and African Studies, University of London (SOAS) c) The British Library
Pustaka Negeri Sarawak	Netherlands: a) National Archives of Netherlands b) Leiden University Libraries
Muzium Negeri Sarawak	Australia: a) National Archives of Australia b) National Library of Australia c) Australian War Memorial

JUMLAH BAHAN YANG DIRUJUK

Lokasi	Jumlah Bahan Mengikut Tahun					
	2013	2014	2015	2017	2018	2019
United Kingdom	111	99	157	340	227	148
Netherlands	-	105	-	-	-	-
India	-	102	-	-	-	-
Amerika	-	92	-	-	-	-
Thailand	-	-	565	-	-	-
Australia	-	-	-	434	-	275
Portugal	-	-	-	-	485	-
Singapore	-	-	-	-	-	128



3,268


Bahan arkib dirujuk di institusi kearkiban luar negara dari 2013 - 2019



RM 7 juta

Peruntukan diterima oleh ANM sepanjang RMK-9, RMK-10,
RMK-11



PERUNTUKAN DITERIMA



*Contoh Bahan
Dirujuk 04*



Buku Despa tch



CLOSED
UNTIL
1965

No. 91/2

SUBJECT.

Anglo-Dutch Boundary

Group CO
Class 874
Piece 500

Previous

91/1

Subsequent

91/3

ITEM(S) HAVE
BEEN EXTRACTED
FROM THIS DOCUMENT.

C.O. 874
500

1913-1914

Fail Berkaitan Sempadan

MINUTES.

Extract from "China Express & Telegraph". 21st Nov. 1922.
Borneo Delimitation.

So far as I am aware this is the first we have heard of such a Treaty. We have enquired of the Stationery Office, but they say that no Treaty of the nature and date mentioned has yet been published.

(The frontier between North Borneo and Dutch Borneo was roughly defined by the Anglo-Dutch Convention of 20th June, 1891; but it was not actually demarcated until 1912, when a Boundary Commission comprising two officers of our Service and two Dutch officers were entrusted with the task which occupied over 3 months.

But I have never been quite sure whether the Commission, which worked from east to west, turned south on reaching the Padus watershed to deal with the 'tongue' of our Territory mentioned below.

If the map of North Borneo (1912 edition published by Stanford) be examined, it will be seen that in the south-west a tongue of our Territory projects into Sarawak and Dutch territory; this is the watershed of the Padus River. The western side of this 'tongue' is bounded by Sarawak, and the Sarawak-North Borneo boundary was defined by Mr. G.O. Woolley (for North Borneo) and Mr. W.R.T. Clement (for Sarawak) in July, 1910. The eastern side of this tongue, however, forms a part of the boundary between North Borneo and Dutch Borneo, and I do not think it was dealt with by the Boundary Commission of 1912. It is probably this small section of our boundary to which the extract relates, but it is remarkable that we have had no earlier tidings.

449.
26.11.29.

674. 22.11.29.


~~Secret~~

I think we ought to address a formal enquiry to the C.O. as to this alleged Treaty.

Brief approved
18/12/29

18/12/29

Boundary Agreement dan Peta





05 Pengalaman

KES PULAU SIPADAN & LIGITAN

- Pulau Sipadan dan Ligitan terletak di Laut Sulawesi.
- Pertikaian hak kedaulatan pulau ini bermula sejak tahun 1969 apabila Kuala Lumpur dan Jakarta membincangkan tentang sempadan perairan masing-masing semasa United Nations Convention on the Law of the Sea 1960 (UNCLOS II).
- Pada 2 November 1998, Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk membawa isu tuntutan kedaulatan pulau-pulau ini kepada International Court of Justice (ICJ) di The Hague, Belanda.
- Pada 17 December 2002, ICJ memutuskan bahawa kedaulatan Pulau Sipadan dan Ligitan berpihak kepada Malaysia dengan 16 undian berbanding satu undian kepada Indonesia.
- Malaysia berjaya menunjukkan effectiveness melalui tindakan pihak berkuasa North Borneo (Sabah) menguatkuasakan Turtle Preservation Ordinance of 1917 yang dilaksanakan sekurang-kurangnya sehingga tahun 1950-an.

KES PULAU BATU PUTEH (PEDRA BRANCA)

- Batu Puteh terletak kira-kira 7.7 batu nautikal dari Tanjung Penyusoh (Point Romania) di tenggara Semenanjung Malaysia dan 25.5 batu nautikal dari Singapura. Pelayar Portugis menamakan Batu Puteh sebagai Pedra Branca yang bermaksud ‘white rock’.
- Batu Puteh adalah sebahagian daripada jajahan takluk Kesultanan Diraja Johor, bersandarkan kepada Perjanjian Inggeris-Belanda pada 17 Mac 1824 dan Perjanjian Crawford pada 2 Ogos 1824, yang mana ia telah menggariskan persempadanan kedaulatan Kesultanan Diraja Johor.
- Pada April 1851, Syarikat Hindia Timur Inggeris telah mendirikan sebuah rumah api di Batu Puteh yang dinamakan Horsburgh Lighthouse & ditadbir oleh kerajaan Negeri-negeri Selat (Straits Settlement) yang menaungi Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

KES PULAU BATU PUTEH (PEDRA BRANCA)

- 6 Februari 2003, Malaysia dan Singapura bersetuju untuk menyelesaikan pertikaian tuntutan Pedra Branca/Batu Puteh ini di International Court of Justice (ICJ) melalui “Special Agreement”.
- 23 Mei 2008, keputusan perbicaraan diumumkan. ICJ memutuskan bahawa Pedra Branca adalah kepunyaan Singapura manakala Middle Rocks (Batuan Tengah) adalah hak milik Malaysia. Hak milik South Ledge (Tubir Selatan) tidak diputuskan.
- Julai 2017, Malaysia memohon interpretasi penghakiman ICJ atas keputusan yang dibuat pada tahun 2008.
- 30 Mei 2018, Malaysia telah menarik diri daripada semakan keputusan dan tidak meneruskan prosiding yang dimulakan pada 2017.

Surat daripada Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, 21 September 1953

It is recommended that the
following number be printed
on reply to this letter.

SSJ.1120/53/6

tel. S.S. 22014 or 22015 Ext. 24
T.S. 22014 or 22015 Ext. 24
A.S. 22014 Ext. 24



STATE SECRETARY'S OFFICE,
JOHORE.

JOHORE BAHRU, 21st Sept. 1953.

S. Secy. R.

(14)

Sir,

COLONIAL SECRETARIAT
RECEIVED

I have the honour to refer to your letter No.CSO.11692/52 dated 12th June 1953, addressed to the British Advisor, Johore, on the question of the status of Pedra Branca Rock some 40 miles from Singapore and to inform you that the Johore Government does not claim ownership of Pedra Branca.

I have the honour to be,
Sir,
Your obedient servant,

(M. SETHI BIN SAAID)
AG: STATE SECRETARY
JOHORE.

To:

The Hon'ble
The Colonial Secretary,
Singapore.

Surat jawapan daripada Pemangku Setiausaha Kerajaan Johor yang menyatakan bahawa Johor tidak menuntut pemilikan ke atas Batu Puteh. Surat ini diberi perhatian berat oleh Mahkamah dan surat ini juga yang menyokong Singapura berhubung kedaulatan ke atas Batu Puteh.

Isu & Cabaran 06



ISU & CABARAN

- Bahan arkib yang berada dalam simpanan Arkib Negara adalah tidak lengkap kerana banyak rekod dan dokumen sejarah tersimpan di institusi luar negara.
- Ketiadaan peruntukan khusus untuk menjalankan kajian dan penyelidikan secara berterusan di institusi kearkiban luar negara.
- Tempoh masa menjalankan penyelidikan di luar negara adalah singkat dan jumlah pegawai yang terlibat adalah terhad kerana memerlukan kos yang tinggi.
- Kesulitan untuk mengkaji dokumen-dokumen lama kerana tulisan tangan yang sukar dibaca dan difahami selain terdapat tulisan yang kabur dan ditulis dalam bahasa asing.
- Kekurangan peruntukan untuk melantik pakar rujuk / pakar bahasa asing bagi menterjemahkan dokumen yang dikaji.
- Kesukaran untuk memahami kandungan dan konteks dokumen sebagaimana yang dimaksudkan oleh pewujud asal kerana penggunaan laras bahasa dari zaman dan budaya yang berbeza.

TERIMA KASIH!

Untuk pertanyaan lanjut...

spkn@arkib.gov.my

+603-6209 0688

www.arkib.gov.my

CREDITS: This presentation template was created by **Slidesgo**,
including icons by **Flaticon** and infographics & images by **Freepik**